

PINETARSOL SOLUTION

Pine Tar/ Triethanolamine Lauryl Sulphate (2.3% w/w/6% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pinetarsol Solution
2. Bagaimana Pinetarsol Solution berfungsi
3. Sebelum menggunakan Pinetarsol Solution
4. Cara menggunakan Pinetarsol Solution
5. Semasa menggunakan Pinetarsol Solution
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pinetarsol Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pinetarsol Solution

- Sebagai rawatan tambahan untuk melegakan gatal-gatal yang teruk dan mengurangkan keradangan.
- Untuk melegakan gejala ekzema, dermatitis (keradangan lapisan luar kulit), cacar air, ruam lampin, selaran matahari, gigitan serangga, dubur & gatal-gatal kemaluan dan keadaan kulit gatal yang lain
- Untuk melegakan gejala psoriasis (penyakit autoimun keradangan kulit).

Bagaimana Pinetarsol Solution berfungsi

- Pembersih cecair tanpa sabun yang mengandungi *pine tar* melegakan gatal-gatal dan mengurangkan keradangan.
- Alternatif pengganti sabun kerana sabun boleh merengsakan kulit yang kering, rapuh dan radang.

Sebelum menggunakan Pinetarsol Solution

- Bila tidak boleh menggunakan

Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini.

- Sebelum mula menggunakan

Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini.

- Jika menggunakan ubat-ubat

lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Pinetarsol Solution

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk kulit yang sangat radang, gunakan dengan air. Goncang botol sebelum digunakan.

Tub Mandian: Tambah 15-30 mL* untuk mandi suam (5 mL* untuk besen bayi atau tangan).

**Satu tudung penuh mengandungi 5 mL.*

Pancuran: Sapukan pada kulit basah, biarkan beberapa minit, bilas secara ringkas. Tepuk kering kulit.

Bagi kawasan kecil / pesakit di atas katil: Tambah 10ml kepada 3L air, span, tepuk kulit kering.

- Bila perlu digunakan

Mandi selama 5-10 minit sekali sehari, lebih kerap dalam kes-kes yang serius.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat yang berkenaan dengan penggunaan topikal yang berlebihan pada manusia dilaporkan.

Semasa menggunakan Pinetarsol Solution

- Perkara yang perlu dilakukan

Elakkan daripada terkena mata. Untuk kegunaan luaran sahaja.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan telan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika ada sebarang ketidakselesaan, hentikan penggunaan.

Kesan-kesan sampingan

Tiada kesan sampingan yang dikenali untuk *pine tar* apabila digunakan topikal. Alahan kepada mana-mana bahan boleh menyebabkan kerengsaan kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Pinetarsol Solution

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Pinetarsol Solution tidak patut dibuang dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda untuk cara-cara pelupusan Pinetarsol Solution yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

PINETARSOL SOLUTION

Pine Tar/ Triethanolamine Lauryl Sulphate (2.3% w/w/6% w/w)

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pinetarsol Solution ialah cecair berwarna hijau tua yang berbau *pine tar*. Ianya dalam botol 200mL & 500mL.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *pine tar, triethanolamine lauryl sulphate.*
- Bahan tidak aktif: *purified water, lavender oil, CI food brown 3, phenethyl alcohol, fluorescein sodium.*

- Nombor MAL:

MAL19912380XZ

Pengilang

Ego Pharmaceuticals Pty. Ltd.
21-31 Malcolm Road,
Braeside, 3195
Australia

Pemegang Pendaftaran Produk

Ego Pharm Malaysia Sdn. Bhd.
1-6 Block A, 72A Jln Universiti,
46100 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh Kemaskini RiMUP

18/08/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)140817/00207